



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# ***KENYATAAN MEDIA***

---

## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KERJA RAYA**

1. Merujuk kepada laporan media pada hari ini bahawa tol tidak akan naik pada 2015. Dengan ini, Kementerian Kerja Raya ingin membuat penjelasan mengenai laporan tersebut.
2. Apa yang dijawab oleh Timbalan Menteri Kerja Raya semasa Penggulangan Bajet 2015 Peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Kerja Raya adalah berkaitan peruntukan Bajet 2015 sejumlah RM558.69 juta telah dipohon sebagai pampasan jika kerajaan memutuskan untuk tidak menaikkan kadar tol pada 2015.
3. Kementerian Kerja Raya ingin menjelaskan bahawa ini adalah prosedur biasa untuk permohonan bajet supaya peruntukan tersedia sekiranya keputusan tidak ada kenaikan tol ini diputuskan oleh kerajaan.
4. Untuk makluman, tidak ada sebarang kenyataan dalam jawapan Timbalan Menteri Kerja Raya yang menyatakan bahawa 2015 tidak akan berlaku kenaikan tol.
5. Mengikut perjanjian konsesi untuk 2015, sebanyak 20 lebuhraya yang berkelayakan untuk mendapat kenaikan tol. Syarikat tersebut seperti yang telah disenaraikan dalam penggulangan bajet adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Lebuhraya</b>
1.	Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH)
2.	Lebuhraya Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT)
3.	Lebuhraya Baru Pantai (NPE)

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | [pro@kk.gov.my](mailto:pro@kk.gov.my)




4.	Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang (SILK)
5.	Storm Water Management and Road Tunnel (SMART)
6.	Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)
7.	Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)
8.	Lebuhraya Senai Desaru (SDE)
9.	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)
10.	Lebuhraya Koridor GUTHRIE (GCE)
11.	Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS)
12.	Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE)
13.	Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX)
14.	Lebuhraya Damansara Puchong (LDP)
15.	Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara (NNKSB)
16.	Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT 1)
17.	Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK)
18.	Lebuhraya Cheras-Kajang (GRANDSAGA)
19.	Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR)
20.	Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA)

6. Untuk makluman, keputusan sama ada tol akan naik atau tidak, Kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri yang akan memperincikan semua aspek, sama ada dari segi sudut kewangan dan kos sara hidup rakyat dan seterusnya akan mencadangkan kepada Kabinet untuk keputusan berkaitan dengan sama ada tol akan dinaikkan atau tidak.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  [pro@kk.gov.my](mailto:pro@kk.gov.my)

Jawatankuasa ini juga boleh mencadangkan opsyen lain dalam mengurangkan bebanan rakyat sekiranya kenaikan tol diluluskan.

7. Untuk itu, dimaklumkan 2015 tiada sebarang keputusan hingga kini berkaitan sama ada akan dibenarkan kenaikan tol atau pun tidak seperti dilaporkan oleh pihak media. Permohonan peruntukan hanya sebagai prosedur bajet sahaja.

**MENTERI KERJA RAYA**

**DATO' SRI FADILLAH YUSOF**




**19 NOV 2014**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  [pro@kk.gov.my](mailto:pro@kk.gov.my)